

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	PERMOHONAN PERUNTUKAN / BAJET BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN MEMBERSIH DAN MENJAGA KEPERLUAN LANSKAP SECARA KONTRAK DI BANGUNAN PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
TARIKH	:	3 JUN 2020
TEMPAT	:	IBU PEJABAT MPC
KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN DAN MAKLUMAT PEMBEKAL YANG DICADANGKAN	:	<u>A. TEMPOH KONTRAK DISYORKAN:</u> 2 TAHUN (MULAI OGOS 2020 – JULAI 2022) <u>B. KOS ANGGARAN:</u> RM9884.60/BULAN ATAU RM237,230.40/2 TAHUN <u>C. JUSTIFIKASI PEMILIHAN:</u> • LATARBELAKANG SERTA KEMAMPUAN KEWANGAN SYARIKAT YANG MEYAKINKAN; • MEMENUHI SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA YANG DITETAPKAN; • BERPENGALAMAN MELAKSANAKAN KERJA-KERJA MENCUCI DAN MEMBERSIH BAHAGIAN DALAMAN PEJABAT DI SEBAHAGIAN BESAR PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN DAN SWASTA DI MALAYSIA.
BAHAGIAN / UNIT / WILAYAH	:	IBU PEJABAT MPC

LAPORAN DAN ULASAN SEBUTHARGA

TAJUK SEBUTHARGA : PERMOHONAN PERUNTUKAN / BAJET BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN MEMBERSIH DAN MENJAGA KEPERLUAN LANSKAP SECARA KONTRAK DI BANGUNAN PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

NO. TAWARAN : MPC 3/2020

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas cadangan ini disediakan bertujuan untuk mendapatkan Pertimbangan Jawatankuasa Sebutharga MPC bagi cadangan melantik pembekal melaksanakan perkhidmatan seperti di atas selama dua (2) tahun.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pada masa ini, perkhidmatan bagi penyelenggaraan membersih dan menjaga lanskap di Ibu Pejabat MPC dilaksanakan oleh DE PAHLAWAN ENTERPRISE bermula dari 1 Ogos 2018 sehingga tamat pada 31 Julai 2020 (tempoh kontrak selama 24 bulan).
- 2.2 Kos perbelanjaan bagi perkhidmatan tersebut adalah sebanyak RM 8,986.00 / bulan atau RM 215,664.00 / 2 tahun.

3.0 PERUNTUKAN KEWANGAN

- 3.1 Kos anggaran baru perbelanjaan bagi perkhidmatan tersebut adalah sebanyak RM 9884.60 / bulan atau RM237,230.40 / 2 tahun. Pertambahan sebanyak 10% daripada kos perbelanjaan lama dicadangkan di atas justifikasi kenaikan harga barang dan kenaikan gaji minimum pekerja.

4.0 CADANGAN PEMBEKAL UNTUK DILANTIK

- 4.1 Adalah dicadangkan supaya pretender yang akan dilantik bagi menyempurnakan perkhidmatan ini berdasarkan faktor berikut:
- Latarbelakang serta kemampuan kewangan syarikat yang meyakinkan;
 - Memenuhi syarat-syarat sebut harga yang ditetapkan;
 - Berpengalaman melaksanakan kerja-kerja membersih dan menjaga lanskap di sebahagian besar pejabat-pejabat kerajaan dan swasta di Malaysia;
 - Mempunyai peralatan mencuci dan membersih yang lengkap termasuk mesin-mesin yang perlu digunakan

5.0 SYOR

Pertimbangan dan kelulusan daripada Lembaga Pengurusan MPC dimohon bagi memberi peruntukan perbelanjaan seperti di atas dengan menggunakan peruntukan Operasi.

Disediakan Oleh:

(Muhammad Afzani Ahmad)
Penolong Jurutera
Unit Teknikal

Disemak Oleh:

(Norazlina Tun Ibrahim)
Pengurus
Unit AST

Disahkan Oleh:

(Mohd Yazid Abdul Majid)
Pengarah
Khidmat Pengurusan &
Kewangan (MSF)